

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN ANYI NGAU [BARAM]

TARIKH : 30 NOVEMBER 2020 (ISNIN)

SOALAN

TUAN ANYI NGAU [BARAM] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan status pelaksanaan pembaikan semula Klinik Kesihatan Long Lama akibat kejadian tanah runtuh baru-baru ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Kesihatan Malaysia mengambil berat tentang kejadian tanah runtuh yang berlaku di Klinik Kesihatan Long Lama yang telah dilaporkan pada 19 Jun 2020. Pemeriksaan yang telah dilakukan mendapati bahawa gangguan fizikal cerun telah menyebabkan kawasan jalan raya di bahagian hadapan klinik telah mendap dan merekah. Kegagalan cerun mengakibatkan kerosakan pada struktur pintu masuk utama dan sebahagian bangunan klinik kesihatan. Struktur *porch* di laluan pintu masuk utama telah mendap sehingga 1.20m dan berisiko untuk runtuh sekiranya mendapan susulan berlaku. Ini menyebabkan bahagian hadapan klinik (*car porch*) telah dirobohkan pada 28 Jun 2020 bagi mengelakkan kerosakan lanjut di Klinik berkenaan.

2. Oleh yang demikian, Kementerian telah melantik Cawangan Kejuruteraan Cerun, JKR Malaysia sebagai Agensi Pelaksana dan meluluskan peruntukan sebanyak RM450 ribu pada 3 Julai 2020 untuk

SOALAN NO : 23

menampung keperluan kerja-kerja pembaikan sementara di Klinik berkenaan. Selain itu, Kementerian juga telah meluluskan peruntukan tambahan sebanyak RM447 ribu pada 19 Ogos 2020 yang diperlukan oleh JKR Malaysia untuk melaksanakan kerja-kerja *soil investigation* (SI), *sheet-piling* dan kerja-kerja pembaikan sementara.

3. Selain itu, kerja-kerja pembaikan sementara juga sedang giat dilaksanakan bagi mewujudkan laluan akses sementara ke dalam kawasan klinik, pembinaan sistem perparitan dan mewujudkan tempat letak kereta sementara bagi kakitangan klinik di mana baki kerja tersebut, iaitu kerja-kerja menurap laluan akses sementara dengan tar akan dijalankan oleh kontraktor yang telah dilantik.

4. JKR Miri juga telah melantik kontraktor pada 5 Oktober 2020 untuk melaksanakan kerja-kerja *remedial work – sheet-piling* di bahagian hadapan klinik yang terjejas. Tempoh kontrak adalah selama 3 bulan di mana tarikh milik tapak adalah pada 5 Oktober 2020 dan tarikh siap semasa adalah pada 4 Januari 2021. JKR Miri telah memaklumkan bahawa kemajuan fizikal projek setakat 23 November 2020 adalah sebanyak 85%.

5. Operasi Klinik Kesihatan Long Lama telah dipindahkan buat sementara waktu ke Dewan Masyarakat Long Lama di mana Majlis Daerah Marudi telah memberikan kelulusan penggunaan Dewan Masyarakat tersebut dengan pengecualian sewa sehingga Jun 2021.

6. JKR Sarawak memaklumkan bahawa kerja-kerja *soil investigation* akan dapat dimulakan selepas kerja sheet piling selesai yang dijangka pada awal tahun 2021.

Sekian, terima kasih.